

Ketahui risiko sebagai penjamin

Undang-undang tetapkan
kena bayar semula kredit
jika peminjam gagal
laksana tanggungjawab



Oleh Azli Ayob
azliayob@bharian.com.my

JIKA diminta untuk menjamin sesuatu pinjaman bank, tidak kira pinjaman oleh sahabat baik atau saudara terdekat, anda berhak menyatakan tidak, jika tidak mahu turut terbit dengan risiko kegagalan pembayaran semula peminjam.

Penjamin sebenarnya terikat dari segi undang-undang untuk membayar balik pinjaman, jika peminjam tidak boleh atau enggan membuat pembayaran balik.

Justeru seseorang penjamin perlu memahami keperluan undang-undang, hak dan tanggungjawabnya sebagai seorang penjamin dan memberi perhatian terhadap isu penting yang perlu diketahui sebelum menurunkan tandatangan sebagai penjamin.

Ramal yang sanggup menukarkan tandatangan kerana mereka beranggapan bahawa penjamin sekadar memberi rujukan yang baik mengenai karektor peminjam.

Jika anda bersetuju menjadi penjamin, periksa latar belakang peminjam dan pastikan individu itu mempunyai keupayaan untuk membayar balik pinjamannya.

Jaminan adalah satu kontrak sah yang mengikat anda untuk membayar hutang



BANK menetapkan syarat-syarat tertentu yang perlu dipenuhi untuk seseorang itu menjadi penjamin.

peminjam, jika peminjam berkenaan gagal berbuat demikian.

Institusi kewangan yang memberikan pinjaman boleh mendakwa penjamin jika peminjam tidak membayar hutangnya.

Dalam aspek jaminan ini, bank membenarkan sesiapa saja untuk menjadi penjamin, asalkan dia dapat memenuhi keperluan undang-undang untuk menjadi seorang penjamin.

Bagaimanapun, memandangkan seorang penjamin bertanggungjawab membayar hutang peminjam jikalau peminjam mungkir, anda patut mempertimbangkan untuk menjadi penjamin hanya sekiranya sudah benar-benar pasti bahawa anda mampu menjelaskan hutang peminjam jika beliau gagal berbuat demikian.

Antara syarat yang ditetapkan undang-undang bagi seorang penjamin adalah:

- Berumur 18 tahun ke atas;
- Bukan seorang muflis;

- Berfikiran waras dan berkoupeyaan dari segi mental dalam memahami dokumen jaminan dan tanggungjawab serta kewajipan seseorang penjamin; dan

- Bersetuju secara sukarela menjadi penjamin (tidak dipaksa atau menandatangani kontrak kerana dipengaruhi secara tidak wajar, penipuan atau akibat kesilapan).

Bagaimanapun, keputusan muktamad sama ada untuk menerima anda sebagai penjamin terpulung kepada bank.

Persatuan Bank-bank di Malaysia (ABM) menasihatkan seseorang supaya tidak menandatangani perjanjian jaminan jika mereka mempunyai ciri-ciri berikut:

- Tidak mempunyai kepentingan dari segi kewangan, perniagaan mahupun moral dalam transaksi berkenaan dan tidak pasti dengan sifat transaksi itu;

- Mempunyai keraguan mengenai kemampuan atau integriti peminjam;

- Merasai telah didesak atau



PENJAMIN turut terikat dari segi undang-undang untuk membayar balik pinjaman.

dalam keadaan terpaksa untuk berbuat demikian;

- Tidak memahami syarat jaminan berkenaan dan tidak mendapat bantuan penasihat bebas yang boleh memberikan penjelasan; dan berasa yakin bahawa anda tidak mampu menjelaskan hutang peminjam jika beliau gagal membuat pembayaran.

Selain itu, penjamin perlu sentiasa pastikan bahawa jumlah maksimum yang dijamin dinyatakan dengan jelas dan sama ada ia turut

merangkumi pembayaran ke atas faedah.

Anda juga mesti mengetahui tanggungjawab anda jika berlaku perubahan atau kepelbagaian ke atas syarat pinjaman.

Sekiranya, jaminan diberi secara bersama atau secara bersama dan berasingan, pastikan bahawa semua penjamin telah menandatangani jaminan berkenaan.

Bagaimanapun dalam kes tertentu, penjamin boleh menarik diri daripada menjadi

penjamin.

Bagaimanapun, keputusan sama ada untuk meluluskan permohonan itu adalah tertakluk kepada budi bicara bank.

Bank biasanya membenarkan permohonan anda itu sekiranya ada penjamin gantian.

Namun demikian, penjamin baru hendaklah bersetuju untuk menanggung semua liabiliti sekarang, liabiliti lampau dan akan datang daripada penjamin sebelumnya.